



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld. XIV (7)

1 April 1998

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 7/1998:
Pindaan Syarat Kelayakan Meminjam Buku Teks
Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) Kementerian Pendidikan**

Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan memaklumkan keputusan Kementerian Pendidikan untuk meminda syarat kelayakan meminjam buku teks SPBT di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Agama Rakyat, berkuatkuasa mulai tahun 1999. Dengan Surat Pekeliling Ikhtisas ini syarat kelayakan meminjam buku teks bagi Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Agama Rakyat yang terdahulu adalah terbatal dan syarat kelayakan meminjam buku teks adalah mengikut pendapatan ibu bapa atau penjaga dan bilangan anak tanggungan, iaitu seperti mana dikenakan ke atas murid-murid di sekolah jenis lain.

Kelayakan Mendapat Pinjaman SPBT

Murid-murid di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Menengah Vokasional dan Sekolah Menengah Agama Rakyat, yang ibu bapa atau penjaga mereka mempunyai pendapatan seperti dinyatakan di bawah adalah layak diberi pinjaman buku teks.


<i>Pendapatan Ibu bapa atau Penjaga</i>	<i>Kelayakan Mendapat Pinjaman Buku Teks</i>
(i) RM700.00 ke bawah	Semua anak yang bersekolah diberi pinjaman
(ii) RM701.00 hingga RM800.00	Perbelanjaan membeli buku teks bagi seorang anak yang bersekolah ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga, anak-anak yang lain diberi pinjaman.
(iii) RM801.00 hingga RM900.00	Perbelanjaan membeli buku teks bagi dua orang anak yang bersekolah ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga, anak-anak yang lain diberi pinjaman
(iv) RM901.00 hingga RM1,000.00	Perbelanjaan membeli buku teks bagi tiga orang anak yang bersekolah ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga, anak-anak yang lain diberi pinjaman

Bagi (ii), (iii) dan (iv), Kementerian Pendidikan akan memberi pinjaman buku teks kepada anak-anak dalam darjah atau tingkatan yang lebih tinggi. Ibu bapa atau penjaga hendaklah menanggung perbelanjaan membeli buku teks bagi seorang, dua orang atau tiga orang anak di darjah atau tingkatan yang terendah sekali.

Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di negeri Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATUK MATNOR DAIM
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dato' Haji Mohd. Khalid Yunus
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
 7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
 8. Ketua Nazir Sekolah
 9. Pegawai Perhubungan Awam
 10. Semua Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri